

# NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

# LAWATAN PENANDAARASAN MENINGKATKAN KETERLIHATAN UNIT MAKMAL SAINS UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS KUALA PILAH DARI KACA MATA ORGANISASI LUAR

Suhaidi Ariffin<sup>1,2</sup>, Zubir Othman<sup>2</sup>, Sabariyah Zainal<sup>2</sup>, dan Siti Noordinah Abd Latif<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar

<sup>2</sup>Unit Makmal Sains

Fakulti Sains Gunaan,


Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,

72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Unit Makmal Sains (UMS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah telah menerima beberapa permohonan kunjungan lawatan penandaarasan oleh organisasi luar sejak dua tahun kebelakangan ini, seperti Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan (26 Januari 2022 dan 23 Januari 2024), UiTM Kampus Dengkil (14 Jun 2023), dan Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam (29 Jun 2022 dan 26 September 2024). Terkini, pada 12 September 2024 (Khamis), UMS Kampus Kuala Pilah telah menerima kunjungan lawatan penandaarasan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Permohonan lawatan penandaarasan yang kerap diterima ini membuktikan bahawa sistem pengurusan UMS Kampus Kuala Pilah mempunyai nilai dan format tertentu yang diperlukan sebagai rujukan oleh organisasi luar dalam memastikan pengurusan serta pengoperasian makmal mereka dapat ditingkatkan.

Unit Makmal Sains UiTM Kampus Kuala Pilah diterajui oleh Koordinator Makmal, ChM. Dr. Suhaidi bin Ariffin (DM51) sejak 1 April 2021. Pengurusan makmal dimantapkan dengan tiga (3) Penolong Pegawai Sains Kanan (PPSK) (C32), di mana masing-masing memegang portfolio sebagai ketua dalam setiap skop fungsi pengopersian iaitu Pengurusan Sumber dan Am (Ts. En Zubir Othman), Pengurusan Harta dan Fasiliti Makmal (Pn. Sabariyah Zainal), dan Pengurusan Bekalan (Cik Siti Noordinah Abd Latif). Skop fungsi pengoperasian Unit Makmal Sains semakin lengkap dengan kewujudan Penyelaras Sub-JKKP yang diketuai oleh Dr. Nurhamimah Zainal Abidin (DM51) bagi memastikan pematuhan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pengguna makmal di bawah AKTA 514 berjalan lancar. Pengoperasian UMS turut dimantapkan lagi dengan kehadiran sebelas (11) staf sokongan makmal yang terdiri daripada pembantu makmal kanan gred C 22 dan pembantu makmal C19.



Gambar 1: Carta Fungsi Unit Makmal Sains, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Berdasarkan permohonan yang diterima, antara tujuan yang ingin dicapai oleh organisasi luar adalah untuk mengetahui keperluan dokumentasi pengurusan makmal seperti Standard Operating Procedure (SOP) bagi peralatan, prosedur keselamatan di makmal, kaedah perolehan bahan mentah bagi proses pengajaran dan pembelajaran, sistem penyimpanan bahan kimia, dan pengurusan penggunaan peralatan makmal di Unit Makmal Sains. Program seperti ini bukan sahaja dapat membantu meningkatkan mutu pengurusan pengoperasian makmal bagi kedua-dua belah pihak, tetapi turut sama menjadi bertindak sebagai medan bagi perkongsian idea bersama. Program ini dilihat dapat meluaskan kolaborasi antara dua organisasi pada masa hadapan dalam memperkasa pengurusan makmal. Malah, program ini secara tidak langsung mengeratkan hubungan antara kedua-dua belah pihak. Gambar 2 menunjukkan koleksi gambar semasa sesi menandatangani buku pelawat bersama wakil agensi luar yang hadir.



Gambar 2: Gambar sesi menandatangani Buku Pelawat UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Setiap bahagian dan unit bagi sesebuah organisasi mempunyai matlamat yang tersendiri dalam menjayakan fungsi masing-masing. Unit Makmal Sains UiTM Kampus Kuala Pilah mempunyai hala tuju yang jelas dalam memastikan setiap pengguna makmal dapat diraikan dengan baik. Dalam mencapai agenda pengurusan yang lebih cekap, sumber kewangan yang kukuh dan berterusan, sokongan padu amat diperlukan daripada pihak pengurusan tertinggi. Kekurangan sumber kewangan boleh melumpuhkan pengoperasian makmal dan secara tidak langsung permohonan bagi lawatan penandaarasan sebegini mungkin tidak dapat dijalankan. Lawatan penandaarasan ini perlu diteruskan kerana ia memberi impak yang besar kepada UMS Kampus Kuala Pilah. Program ini telah menjadikan UMS Kampus Kuala Pilah sebagai sumber rujukan oleh beberapa organisasi dan institusi luar sekitar Negeri Sembilan.

Keterlihatan UMS Kampus Kuala Pilah telah meningkat dari semasa ke semasa dan hal ini telah memberi kesan terhadap prestasi kerja semua staf makmal dalam memberikan yang terbaik dalam perkhidmatan mereka. Keseluruhannya, hasil program penandaarasan yang telah dijalankan telah memberi pengaruh yang hebat kepada institusi luar dan diharapkan program ini sentiasa mendapat sokongan dan perhatian daripada pengurusan tertinggi selaras dengan visi dan misi UiTM. Semoga dengan adanya program seperti ini, kemaslahatan UMS UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh warga UiTM CNS malah turut dirasai oleh pihak luar.



Gambar 3: Sesi bergambar bersama pihak agensi luar yang hadir